

Arahan: Sila lengkapkan cerita Bahaya Ribut Petir menggunakan kata adjektif dan kata penguat yang betul.

| | | | | | | |
|-------|---------|--------|---------|--------|----------|-------|
| panas | terlalu | takut | kencang | sangat | perlahan | amat |
| lebat | gelap | sekali | laju | terang | keras | sakit |

Sarmeela berasa sungguh cemas kerana suasana di dalam biliknya sangat _____ dan _____. Dada Sarmeela berombak _____ kerana dia berasa _____. Di luar, angin bertiup cukup _____. Hujan pula turun _____. Sekali-sekala, panahan kilat yang memancarkan cahaya yang _____ kelihatan di langit.

Dalam keadaan teraba-raba, Sarmeela mengatur langkahnya. Langkahnya _____ sekali. Dia mahu mencari lampu suluh yang disimpan di dalam almarinya. Semasa sedang berjalan, Sarmeela tersepak sesuatu yang _____. Sarmeela terjatuh di lantai. Kakinya berasa _____. Tiba-tiba, lampu biliknya bernyala semula. Suasana gelap bertukar menjadi terang. Bekalan elektrik telah pulih. Sarmeela berasa sungguh gembira.